

Baca petikan dan teliti poster yang yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 - Petikan

Penurunan budaya membaca dalam kalangan remaja amat ketara. Pada awal tahun 1990-an, sebanyak 33 peratus daripada remaja membaca akhbar pada setiap hari. Namun begitu, jumlah tersebut jauh berkurangan menjelang tahun 2016 yang mencatatkan hanya dua peratus remaja membaca akhbar pada setiap hari. Kini, minat remaja sudah beralih kepada bahan bacaan digital yang dikatakan lebih menyeronokkan. Lebih teruk lagi, ada remaja yang percaya bahawa membaca hanya untuk lulus peperiksaan sahaja. Sebaik-baik tamat sekolah, membaca bukan lagi amalan atau kewajipan yang perlu diteruskan oleh mereka.

Kerajaan sememangnya memandang serius hal ini, oleh sebab itu, kerajaan memperuntukkan baucar buku kepada para pelajar di universiti awam dan universiti swasta yang bertujuan untuk memastikan generasi di pusat pengajian tinggi berupaya untuk memperoleh bahan bacaan yang bermutu. Kerajaan dan swasta juga memperkenalkan banyak potongan harga kepada kelompok ini untuk membeli buku dengan diskaun yang mencecah 50 peratus kepada pembeli yang berstatus pelajar atau mahasiswa.

Peranan pihak sekolah juga tidak boleh disisihkan dalam usaha menggalakkan amalan membaca ini. Hal ini demikian kerana remaja yang bergelar murid menghabiskan sebahagian besar masa mereka di sekolah. Justeru pihak sekolah perlu melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk menggalakkan amalan membaca dalam kalangan murid. Contohnya, program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) perlu dilaksanakan di sekolah dengan bersungguh-sungguh dan pengiktirafan yang sesuai harus diberikan kepada murid mengikut bilangan buku yang telah di baca.

Sebenarnya, usaha untuk menggalakkan amalan membaca dalam kalangan remaja mesti bermula daripada diri remaja sendiri. Remaja perlu mempunyai kesedaran tentang kepentingan membaca. Hal ini demikian kerana usaha untuk menggalakkan amalan membaca ini tidak akan mendatangkan impak yang diharap-harapkan jika remaja sendiri tidak mempunyai kesedaran tentang hal tersebut. Remaja mesti memiliki disiplin diri untuk memastikan amalan membaca dipraktikkan setiap hari. Remaja seharusnya memperuntukkan 10 hingga 30 minit untuk membaca. Langkah menyenaraikan buku dan tema yang ingin dibaca juga dapat membantu memotivasikan diri untuk sentiasa menghabiskan bacaan. Remaja juga seharusnya kerap mengunjungi perpustakaan dan menjadikan perpustakaan sebagai rumah kedua bagi memupuk amalan membaca. Mereka boleh mengajak teman rapat untuk pergi ke perpustakaan dan mendaftar diri sebagai ali perpustakaan yang dikunjungi.

Selain itu, ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak sejak kecil lagi. Bak kata pepatah meluntuk buluh biarlah dari rebungnya. Usaha untuk melahirkan remaja yang suka membaca akan tercapai jika ibu bapa yang merupakan model paling dekat mendedahkan bahan-bahan bacaan yang bersesuaian kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi.

Kesimpulannya, semua pihak harus berganding bahu dalam usaha memupuk budaya membaca dalam kalangan remaja bagi membentuk generasi muda negara yang berilmu, berdaya saing, disegani dan mampu bersaing pada masa hadapan. Membaca akan membezakan seseorang remaja itu dengan remaja lain. Hal ini demikian kerana bangsa yang berjaya ialah bangsa yang membaca.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Budaya Membaca Remaja'
Oleh Sham. A kadir.
Dewan Siswa, Bil 4 2020

Bahan 2 - Poster



Rumusan membincangkan usaha pelbagai pihak menggalakkan amalan membaca dalam kalangan remaja dan manfaat membaca.

Antara usaha menggalakkan amalan membaca dalam kalangan remaja ialah _____.

Selain itu, _____.

Seterusnya, _____.

Disamping itu, _____.

Selanjutnya, _____.

Akhir sekali, _____.

Manfaat membaca ialah _____ dan _____.

Kesimpulannya, setiap lapisan masyarakat perlu menggembleng tenaga untuk memastikan bahawa amalan membaca dapat dibudayakan oleh remaja agar melahirkan remaja yang berilmu dapat dilahirkan.